

TR: 8.12.66

**UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
DI RUANGAN "PEMBANGUNAN DESA"
RADIO MALAYSIA
OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA 31 DISEMBER, 1966.**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada tuan-tuan dan puan-puan, terutama sekali kepada peminat-peminat siaran Radio Malaysia dalam Ruangan Pembangunan Desa.

Dalam masa sebulan yang lalu, kita semua telah berpuasa - menahan din daripada nafsu dan lapar — untuk menunaikan salah satu daripada rukun Islam yang maha suci itu. Tamatnya berpuasa dan sampainya Hari Raya Aidilfitri, adalah membawa nikmat yang tidak dapat dinilai kepada kita. Pada kali ini kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri ini dalam keadaan dan suasana yang amat baik dan tenteram. Semenjak 4 tahun yang lalu, inilah kali yang pertamanya kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri ini dalam keadaan yang aman berikutan dengan tamatnya konfrontasi. Oleh itu sambil kita merayakan hari yang berbahagia ini, kita patut mengingati mereka yang telah terkorban atau pun tercedera dalam perjuangan untuk mempertahankan negara kita dan untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pada masa kita berpuasa kita terpaksa menghadapi berbagai kesukaran, lapar dan dahaga dan apabila kita sudah sempurna menunaikan kewajipan-kewajipan kita itu kita dapatlah menerima nikmat bersukaria pada Hari Raya. Oleh itu pengalaman kita berpuasa itu patutlah dijadikan panduan hidup kita pada setiap hari. Jika kita hendak menikmati kemajuan dan kemewahan negara, kita mestilah sanggup berkorban, berusaha dan bersusah payah dahulu; hanya dengan kita berjaya berkorban dan bersusah payah itu baharulah dapat kita mencapai hasil-hasil dan nikmat-nikmat yang kita kehendaki. Kita mustahak mengalami berbagai rintangan dan halangan serta dugaan-dugaan

dan hanya dengan kita menguatkan keazaman bagi mengatasi semua kesusahan-kesusahan itu baharulah dapat kita menerima dan mencapai kebahagiaan hidup yang kita kehendaki.

Bagi pihak Kerajaan adalah berazam hendak meneruskan usaha usaha bagi memperbaiki keadaan hidup rakyat, terutama sekali yang duduk di luar bandar, seperti yang Kerajaan telah jalankan pada beberapa tahun yang lalu. Tujuan Kerajaan ialah hendak menjadikan rakyat negeri ini rakyat yang bertanggungjawab yang boleh berdiri di atas kaki sendiri. Saya percaya dengan kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan, dengan tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan semangat dan keazaman berani berusaha dan bertenaga untuk memperbaiki keadaan hidup masing-masing, usaha-usaha dan cita-cita Kerajaan itu akan berhasil. Kemajuan sesuatu bangsa itu terletak di tangan rakyat negara itu sendiri. Dengan sebab itu saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan, kepada umat-umat Islam sekalian, iaitu sambil kita bersuka-suka merayakan hari yang berbahagia ini. Marilah kita membaharui azam kita untuk berusaha dan bertenaga dengan lebih giat lagi bagi kemajuan dan kemakmuran kita semua.

Di mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berada, baik di pekan atau pun di kampung-kampung, sama ada yang bekerja dengan Kerajaan atau pun menjalankan perusahaan sendiri, kita semua boleh menambah kemewahan dan kemakmuran kita sendiri dan negara kita sekiranya kita menambah ikhtiar, usaha dan tenaga dalam apa juga lapangan pekerjaan yang kita jalankan pada tiap-tiap hari itu.

Saya sudahi dengan mengucapkan sekali lagi Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada tuan-tuan dan puan-puan dan berdoa mudah-mudahan Tuhan akan membawa kita semua kepada keamanan dan kemajuan yang lebih besar dan lebih luas lagi seperti yang kita kehendaki.

Terima kasih.